



NUR ADILAH MAHBOP
adilahmah@sph.com.sg
Koresponden Kanan

Masyarakat Melayu/Islam terus maju di sebalik cabaran 2022



DETIK PENCAPAIAN 2022: Berita Harian, yang menyambut ulang tahun ke-65 pada 2022, telah menyampaikan Anugerah Jauhari kepada Profesor Madya Hadjah Rahmat (*tiga dari kiri*). Anugerah Jauhari Harapan kepada Enik Lee Syafiq Muhd Ridwan Lee (*dua dari kiri*), dan Anugerah Jauhari Pencapaian Sepanjang Hayat kepada Enik Yusnor Ef, yang diwakili anaknya Cik Feeta Mohamed Noor (*kiri*). Bersama mereka ialah Timbalan Perdana Menteri, Enik Lawrence Wong (*dua dari kanan*), Editor Berita Harian, Enik Saat A. Rahman (*kanan*) serta Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan dan CEO Perniagaan Runcit FairPrice Group, Cik Elaine Heng (*empat dari kiri*). — Foto BMI oleh NUR DIYANA TAHA



ULANG TAHUN BADAN MELAYU: Yayasan Mendaki meraikan ulang tahunnya yang ke-40 pada 2022, dalam majlis yang turut dihadiri Perdana Menteri Lee Hsien Loong (*barisan depan, dua dari kanan*). — Foto ZAOBAO

PENCAPAIAN YANG WAJAR DIRAIKAN

Namun, di tengah-tengah cabaran ini, beberapa pencapaian masyarakat wajar diraikan.

Contohnya, kepimpinan agama di Singapura baru-baru ini diiktiraf di peringkat antarabangsa kerana menyediakan huraian praktikal dan berwujud dalam berdepan dengan isu dan cabaran baru.

Jawatankuasa Fatwa Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), yang dipimpin Mufti, Dr Nazirudin Mohd Nasir, menerima anugerah Imam Al-Qarafi bagi Kecemerlangan dalam Fatwa daripada Sekretariat Agung bagi Fak Berkuasa Fatwa Sedunia, pimpinan Dar al-Ita Mesir.

Anugerah itu disampaikan sebagai mengiktiraf sumbangan cemerlang jawatankuasa tersebut dalam menangani pandemik Covid-19 dan isu semasa yang lain.

Selain itu, kerjasama pelbagai badan masyarakat Melayu/Islam dalam membantu masyarakat mengemudi cabaran semasa Covid-19 juga turut diiktiraf.

Pasukan Bertindak SGTeguh Bersatu (SGTB) dan Kumpulan Kerja Covid-19 Melayu/Islam baru-baru ini pula menerima Anugerah Sijil Kepujian Presiden (Covid-19) bagi usahanya menggenap tenaga pelbagai agensi, badan Melayu/Islam (MIMO) serta rakan berkepentingan lain untuk menghulurkan bantuan kepada masyarakat.

Pada masa yang sama, badan Melayu/Islam seperti Persatuan Pemuda Islam Singapura (FPIS) meraikan ulang tahun yang ke-70, manakala Yayasan Mendaki menyambut ulang tahun yang ke-40.

Hakikat bahawa badan seperti ini masih wujud, berkembang dan kekal relevan hari ini mencerminkan semangat bantu diri dan gotong royong yang terus hidup dalam masyarakat.

Akhir *Berita Harian* pada 2022 turut memperingati 65 tahun sejak penubuhannya, memainkan peranan penting dalam menjolikan pencapaian masyarakat serta mengupas pelbagai cabaran dan isu.

Tahun lalu, akhbar ini turut menyampaikan Anugerah Jauhari ke-24 kepada Ketua Kumpulan Akademik Bahasa & Budaya Asia di Institut Pendidikan Nasional (NIE)/Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Profesor Madya Hadjah Rahmat.

Usahawan muda, Enik Lee Syafiq Muhd

DEKATI PEKERJA: Di bawah kerjasama MP dan Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC), satu program perintis melibatkan pemimpin kesatuan yang mengunjungi rumah ke rumah untuk mendampingi dan membimbing pencari kerja telah dilancarkan pada 2022. — Foto fail



Ridwan Lee, dinobatkan Anugerah Jauhari Harapan, manakala penulis lirik veteran, Enik Mohamed Noor Mohamed Yusof, atau lebih dikenali sebagai Yusnor Ef, diberi Anugerah Jauhari Pencapaian Sepanjang Hayat.

BERSATU PADU ATASI ISU SUKAR

2022 juga melihat masyarakat Melayu/Islam bersama masyarakat lain mengorak langkah menghadapi isu berkaitan pemansuhan Seksyen 377A, meskipun terdapat pandangan yang berbeza berkenaan isu LGBT.

November lalu, Parlimen meluluskan pemansuhan undang-undang berkaitan hubungan seks antara lelaki, dan pada masa yang sama melindungi definisi perkahwinan antara lelaki dengan wanita daripada dicabar oleh undang-undang.

Meskipun Seksyen 377A telah dimansuhkan, pemimpin agama di Singapura menekankan pendirian masyarakat Islam terhadap homoseksualiti tidak berubah.

Apa yang penting, masyarakat Melayu/Islam kekal berpadu bersama masyarakat lain untuk mengorak langkah dalam menghadapi isu sukar ini, berbekalkan bimbingan atash dan kesatuan kepimpinan keagamaan, kata Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam, Enik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, sebelum ini.

"Saya harap masyarakat kita rasa sangat beruntung kerana pihak agawan, pihak perundangan, dan pihak pemimpin masya-

rakat (semua menyumbang) dalam hal ini dan saya merasakan kesatuan yang begitu kuat.

"Kita boleh menjadi contoh kepada masyarakat lain, di mana kita tunjukkan kesatuan yang lebih membawa masyarakat kita ke hadapan," katanya.

M KUASA TIGA MEMPERKASA

Sepanjang tahun ini, usaha untuk meningkatkan kehidupan masyarakat Melayu/Islam diteruskan melalui rangka kerja M Kuasa Tiga (MP) melibatkan Majlis Ugama Islam Singapura (Muis). Yayasan Mendaki dan Majlis Penyelaras Kumpulan Kegiatan Melayu Persatuan Rakyat (Mesra).

Ini dilakukan menerusi empat bidang tumpuan — perkahwinan, keibubapaan dan pendidikan awal kanak-kanak; individu dan keluarga rentan; bimbingan belia; serta pekerjaan dan daya kerja.

MP telah menyelaraskan usaha untuk mendekati masyarakat, dan menyampaikan bantuan secara lebih berkesan. Contohnya, Yayasan Mendaki mampu meluaskan programnya dengan pesat dan menjadi lebih dekat kepada masyarakat Melayu/Islam dalam beberapa tahun lalu menerusi MP, kata Timbalan Pengerusi Mendaki, Enik Zaqy Mohamad, dalam wawancara dengan BH sebelum ini.

Enik Zaqy, yang juga Menteri Negara Kanan (Pertahanan) merangkap Tenaga Manusia), memberi contoh program Kelas MateMatika (KMM) yang mengajar konsep asas matematik kepada kanak-kanak



KEPIMPINAN AGAMA DIKTIKRAF: Jawatankuasa Fatwa Muis, yang dipimpin Mufti, Dr Nazirudin Mohd Nasir (*kiri*), menerima anugerah Imam Al-Qarafi bagi Kecemerlangan dalam Fatwa. Dr Nazirudin menerima anugerah itu daripada Mufti Besar Mesir, Sheikh Dr Shawki Allam, baru-baru ini. — Foto KEDUTAAN SINGAPURA DI MESIR

prasekolah dan melibatkan ibu bapa mereka. Program itu, yang sebelum ini dikenali sebagai MajuMindaMatematika, telah dipertingkatkan dan dilancarkan di kelab masyarakat dengan sekitar 100 peserta pada 2018.

Sejak itu, lebih 5,500 ibu bapa dan kanak-kanak meraih manfaat daripada KMM, termasuk di MP@Bandar.

Sementara itu, keluarga Melayu/Islam, termasuk golongan yang lebih memerlukan, juga menerima sokongan yang lebih padu dan terus menerus MP, kata Menteri Negara (Ehwat Dalam Negeri) merangkap Pembangunan Negara, Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim, pula.

Sejak 2019, lebih 2,600 anggota keluarga banduan menerima sokongan di bawah Pusat Khidmat Penjagaan Berterusan bagi Pesalah dan Keluarga (Fitrah) kendalian Muis dengan kerjasama rakan lain di bawah MP. Ini termasuk bantuan kewangan, sokongan pekerjaan dan pembelajaran Islam.

Antara inisiatif yang telah dipergiat tahun ini ialah usaha membantu pekerja Melayu/Islam meraih peluang pekerjaan lebih baik, khususnya dalam sektor pertumbuhan.

Di bawah kerjasama MP dan Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC), satu program perintis melibatkan pemimpin kesatuan yang mengunjungi rumah ke rumah untuk mendampingi dan membimbing pencari kerja telah diwujudkan.

CABARAN 2023

Usha untuk memperkasa masyarakat, khususnya untuk meraih pekerjaan baik, akan menjadi lebih penting sedang isu seperti inflasi dan kos sara hidup dijangka terus menjadi keprihatinan pada 2023.

Isu seperti kemampuan untuk membayar hutang rumah dengan kadar inflasi lebih tinggi, kecukupan simpanan untuk kecemasan dan persaraan, serta jurang pendapatan perlu terus dipantau.

Pastinya pelbagai cabaran ini bakal menguji lagi daya tahan masyarakat dan negara.

Namun, kecekapan dan kemahiran yang diusahakan dan diraih semasa krisis lalu akan meletakkan masyarakat dan negara dalam keadaan lebih baik untuk mengharungi ketidakpastian masa depan.